

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Rujukan Fail: ISO9001:2015	LAPORAN KETAKAKURAN (NON-CONFORMITY REPORT) Klasifikasi : Minor Standard : MS ISO 9001: 2022	Tarikh Audit : 26 Julai 2022
Jenis Audit: Audit Dalaman		

Nama Jabatan/Fakulti/Pusat/Institut/Unit: Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB)
Bahagian 1 - Butiran Ketakkuran Keperluan: Klausa 10.2.1 - Apabila ketakkuran berlaku, termasuk apa-apa yang timbul daripada aduan, organisasi hendaklah: (a) bertindak balas terhadap ketakkuran itu dan, jika berkenaan (1) mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya; (2) menguruskan akibatnya. Penemuan: Terdapat tiga (3) unit Penghawa Dingin jenama National dilaporkan tidak dapat dikesan dalam Laporan Pemeriksaan Aset 2021 bertarikh 8 November 2021. No siri aset: (1) UMS/H1/4030/H/2003/M22; (2) UMS/H1/4030/H/2003/M23; dan UMS/H1/4030/H/2003/M25. Semakan lanjut mendapati terdapat satu (1) Laporan Polis kehilangan aset tersebut dibuat pada 2 November 2018. Bukti Penemuan: (1) Laporan Pemeriksaan Harta Modal No. Rujukan UMS202101343 bertarikh 8 November 2021. (2) Laporan Polis no. Kota Kinabalu/005338/18 bertarikh 2 November 2018 Auditor : _____ Nama: AWINA BINTI KAMIS

Bahagian 2 - Keputusan hasil penyiasatan dan pengenalpastian punca

HASIL PENYIASATAN:

1. Kehilangan aset telah dimaklumkan semasa peralihan tugas di antara pegawai yang bertanggungjawab untuk pengurusan aset di IPB pada bulan Ogos 2021 dan status pada masa tersebut adalah menunggu semakan ke atas status aset tersebut dari pihak FSSA, berdasarkan surat yang dihantar kepada pihak FSSA pada 25 Februari 2021 dan 30 Julai 2021 (FSSA (bekas pejabat lama IPB sebelum berpindah ke bangunan baru pada tahun 2011) - berdasarkan rekod penempatan terakhir yang didaftarkan dalam Sistem I-Aset).
2. Disebabkan tidak ada maklumbalas daripada pihak FSSA mengenai kehilangan aset tersebut maka satu lawatan telah dicadangkan untuk dibuat ke FSSA pada tahun 2022 bagi mendapatkan maklumat lanjut dari pihak yang menguruskan aset disana, walau bagaimanapun lawatan tersebut telah ditunda ke September, 2022.
3. Pihak IPB sebelum ini pernah menghantar dua (2) orang kakitangan untuk melawat lokasi penempatan terakhir aset, kini Pejabat Pusat Penyelidikan Pulau-Pulau Kecil (unofficial visit). Walau bagaimanapun, aset tersebut tidak ditemui di pejabat tersebut.
4. Berdasarkan penemuan semasa audit dalaman MS ISO dan disebabkan proses pemeriksaan aset bagi tahun 2022 bakal bermula pada 1 September 2022, pihak pengurusan IPB memutuskan untuk mengemukakan surat dan laporan KEW.PA-28 kepada pihak Bendahari untuk tidak memanjangkan lagi isu ini dan ianya dapat diselesaikan pada tahun ini.

ROOT CAUSE:

1. Tempoh masa yang terlalu lama untuk tindakan diambil setelah diketahui pada tahun 2018 adalah disebabkan kurangnya maklumat mengenai aset tersebut iaitu tidak diketahui tarikh sebenar kehilangan aset dan aset tersebut juga tidak pernah dilihat oleh mana-mana kakitangan IPB sebelum dan selepas tahun 2018. Hanya rekod dalam sistem sahaja menunjukkan ianya dikategorikan sebagai aset yang datang bersama dengan bangunan (pejabat lama IPB di FSSA).
2. Pemantauan tidak dibuat secara berterusan (masih tiada tindakan yang diambil pada tahun 2019-2020).

Auditee:

Nama: MONA SOFIAH @ DEWI BINTI ABDUL KAHAR

Bahagian 3 - Pelan Tindakan Pembetulan termasuk tarikh pelaksanaan

TINDAKAN PEMBETULAN:

Surat pemakluman dan Borang KEW.PA-28 telah dikemukakan kepada pihak Bendahari (Pn. Ammysiah Severinus) pada 27 Julai 2022.

TINDAKAN PENCEGAHAN:

1. Laporan Pemeriksaan Aset (termasuk kehilangan/kerosakan/pelupusan) kini dilaporkan dalam Mesyuarat Eksekutif IPB untuk tujuan pemantauan.

Auditee:

Nama: MONA SOFIAH @ DEWI BINTI ABDUL KAHAR

Bahagian 4 - Verifikasi

Pihak IPB telah melaksanakan tindakan pembetulan serta merta dengan menghantar surat pemakluman dan Kew.PA-28 kepada Bendahari. Agenda pengurusan aset dimasukkan dalam Mesyuarat Eksekutif IPB sebagai langkah pencegahan ketakakuran seumpamanya berlaku.

Auditee:

Nama: MONA SOFIAH @ DEWI BINTI ABDUL KAHAR

Disemak Oleh:

MASHILLA NILUS

Penutupan NCR : **Ya**

Tarikh : 09 September 2022